



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 9 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KERAJAAN KERJASAMA DENGAN PEMEGANG TARUH, IKTIRAF KEDUDUKAN WANITA SECARA SAKSAMA – NORAINI	
	https://umno-online.my/2024/01/08/kerajaan-kerjasama-dengan-pemegang-taruh-iktiraf-kedudukan-wanita-secara-saksama-noraini/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	20 TASKA TEMPAT KERJA BEROPERASI DI SARAWAK SETAKAT DISEMBER 2023	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/08/20-taska-tempat-kerja-beroperasi-di-sarawak-setakat-disember-2023	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MANGSA BANJIR YANG INGIN PULANG DINASIHAT MINTA KEBENARAN JPBD TERLEBIH DAHULU	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-yang-ingin-pulang-dinasihat-minta-kebenaran-jpbd-terlebih-dahulu-453180	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260533	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PENYELESAIAN TERBAIK SELESAI KES EKSPLOITASI KANAK-KANAK	
	https://www.melakahariini.my/penyelesaian-terbaik-selesai-kes-eksploitasi-kanak-kanak/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	DISYAKI BUANG BAYI, DUA REMAJA DITAHAN POLIS	
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/08/disyaki-buang-bayi-dua-remaja-ditahan-polis/	TVSARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

9/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	ZAYN RAYYAN'S MURDER CASE WAS NEVER HALTED, SAYS AYOB KHAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/zayn-rayyans-murder-case-was-never-halted-says-ayob-khan-453153	ASTROAWANI.COM
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/479292	THEMALAYSIANINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PITA SUARA UMAR ROSAK, KINI BERSTATUS OKU	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/08/pita-suara-umar-rosak-kini-berstatus-oku/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KERAJAAN PERAK AKAN BANTU KELUARGA PENGAWAL KESELAMATAN MAUT DI GUNUNG LANG - EXCO	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-perak-akan-bantu-keluarga-pengawal-keselamatan-maut-di-gunung-lang-exco-453076?	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LELAKI MINTA GAMBAR PORNO BUDAK DARJAH 6 DI BIGO KENA PENJARA	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/08/penjara-10-tahun-12-sebatan-minta-bahan-pornografi-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	28 KESALAHAN SEKSUAL: HUKUMAN PENJARA 428 TAHUN DAN 240 SEBATAN DIKETEPIKAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/28-kesalahan-seksual-hukuman-penjara-428-tahun-dan-240-sebatan-diketepikan/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK


www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	RAKYAT MALAYSIA BUAT KESALAHAN TERHADAP KANAK-KANAK DI LUAR NEGARA BOLEH DIDAKWA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/643304/berita/semasa/rakyat-malaysia-buat-kesalahan-terhadap-kanak-kanak-di-luar-negara-boleh-didakwa	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197719/warga-malaysia-lakukan-kesalahan-jenayah-seksual-terhadap-kanak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/08/kerajaan-kaji-perluas-skop-undang-undang-kesalahan-seksual-kanak-kanak/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/08/govt-may-expand-scope-of-law-for-sexual-offences-against-children/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KECEDERAAN KEPALA BAYI MAUT DIPERCAYAI BERLAKU 1-3 MINGGU LALU	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1197770/kecederaan-kepala-bayi-maut-dipercayai-berlaku-1-3-minggu-lalu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048422/kecederaan-kepala-bayi-berlaku-antara-1-hingga-3-minggu-lalu	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643287/berita/semasa/bayi-4-bulan-maut-sesiapa-pun-boleh-jadi-suspek---polis	SINARHARIAN.COM.MY



Kerajaan Kerjasama Dengan Pemegang Taruh, Iktiraf Kedudukan Wanita Secara Saksama – Noraini

8 January 2024 [Berita Lain](#) [Berita Utama](#)



KUALA LUMPUR, 8 Jan – Kerajaan akan bersama dengan pemegang taruh dalam memberi tumpuan mengangkat dan mengiktiraf kedudukan serta sumbangan wanita secara saksama, setaraf dengan potensi mereka, kata Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata di bawah kementerian tersebut Pelan Strategik KPWK 2021-2025 dimanfaatkan bagi memberi fokus dalam melindungi hak golongan rentan termasuk wanita.

"Untuk kita mencapai matlamat ini, ianya memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Wanita harus mengubah persepsi bahawa mereka perlu menjadi sempurna untuk bergerak jauh ke hadapan.

"Persepsi dan pandangan seperti inilah telah menyekat wanita untuk lebih berdaya maju. Ya memang sifat wanita ini cuba menjadi sesempurna yang mungkin.

"Namun, kadang kala bila penanda aras diletakkan terlalu tinggi, ini telah menyebabkan sebahagian wanita berasa kurang yakin, terutama untuk membabitkan diri dalam sesuatu bidang," katanya.



Beliau berkata demikian pada Sambutan Hari Wanita 2023 "Kasih Wanita" Wanita UMNO Bahagian Selayang yang diadakan di Acara Event Space, Sungai Buloh.

Menurut beliau lagi meskipun golongan wanita kini mencapai pelbagai kejayaan besar dalam pelbagai profesion seperti sukan, politik namun jurang gender seperti dimaklumkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) adalah sebaliknya.

Kata beliau ini kerana Statistik Pemeraksanaan Wanita dalam Domain Terpilih Malaysia 2022 yang dikeluarkan DOSM mencatatkan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) 2021 adalah 0.707 mata, ianya bersamaan 70.7 peratus menurun 0.07 mata peratus berbanding 0.714 pada tahun 2020.



"Walaupun pencapaian wanita melebihi lelaki dalam sub-indeks pencapaian pendidikan dengan skor 1.060, dalam sub-indeks yang lain-lain seperti kesihatan dan kehidupan, peluang dan penyertaan ekonomi, wanita masih berada di belakang.

"Begitu juga dalam politik. Berdasarkan laporan yang sama, penguasaan politik mencatat skor terendah iaitu 10.0 peratus (skor 0.100) yang menunjukkan wanita masih jauh ketinggalan berbanding lelaki sebagai pembuat dasar," katanya.

Noraini yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong berkata sedangkan wanita perlu diberikan ruang yang

sewajarnya kerana mereka mampu memberikan sumbangan yang lebih baik daripada golongan lelaki.

"Masyarakat perlu sentiasa sedar bahawa manusia tidak pernah sempurna dan jangkaan yang tidak realistik terhadap golongan wanita atau diri sendiri tidak akan membawa manfaat kepada sesiapa pun.

"Jadinya, wanita perlu lebih berani mengambil risiko untuk mengembangkan karier seterusnya tidak takut untuk melakukan kesilapan.

"Kesilapan ini adalah sebahagian daripada proses pembelajaran yang dapat membina keyakinan diri, membolehkan wanita lebih maju," ujar beliau. – *UMNO Online*

20 taska tempat kerja beroperasi di Sarawak setakat Disember 2023

© 2024-01-08T18:31:37+08:00



Fatimah (tengah) menyampaikan cek MRP RM5,000 kepada Pengerusi PAKB Mariani Jaafar pada sesi lawatan kerja ke Taska Permata Kasih di Taman Li Hua Bintulu, hari ini.

BINTULU: Sebanyak 20 taska tempat kerja (TTK) beroperasi di negeri ini setakat Disember tahun lepas bagi kemudahan para ibu bapa yang bekerja menghantar anak mereka di pusat terbabit, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Ini menurut beliau, terdiri daripada 11 di bawah SeDidik termasuk lapan swasta dan sebuah lagi di bawah kendalian Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak (BPP-MIS).

"Penubuhan TTK ini secara amnya merupakan inisiatif berterusan kementerian bagi membantu para ibu bapa yang bekerja mendapatkan khidmat penjagaan serta didikan selamat buat anak mereka," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa lawatan kerja ke Taska Permata Kasih di Taman Li Hua Bintulu, hari ini.

Menurut beliau, kemudahan tersebut merupakan satu sistem sokongan kepada ibu bapa yang bekerja yang mana amat diperlukan sesuai dengan kehendak keperluan terhadap pekerjaan serta tuntutan kehidupan moden pada zaman sekarang.

"Kewujudan TTK dalam pada itu turut membantu dalam mengurangkan kerisauan ibu bapa tentang keselamatan anak-anak sepanjang mereka keluar bekerja," ujarnya.

Dengan keselamatan yang terjamin jelas Fatimah, diyakini dapat membantu ibu bapa untuk lebih fokus pada kerja dan secara tidak langsung menyumbang kepada produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan agensi.

Dalam ucapannya Fatimah berkata, Sarawak mencatatkan rekod memberangsangkan dalam penghantaran anak-anak ke prasekolah dan tabika iaitu 98.71 peratus murid tahun satu bagi sesi persekolahan 2023/2024 telah mengikuti sesi pendidikan awal berkenaan.

"Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana peratus ini telah melepasi pencapaian 88.81 peratus di peringkat kebangsaan," jelasnya

Setakat 27 Disember tahun lepas ujarnya, terdapat sebanyak 3,033 Institusi Pendidikan Awal Kanak-kanak (IPAKK) di seluruh negeri yang terdiri daripada 2,801 tadika dan 232 taska.

Bagi tujuan sama katanya, Sarawak akan terus meningkatkan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan menetapkan sasaran 100 peratus kanak-kanak mengikuti prasekolah pada 2030 dengan kerjasama agensi berkaitan seperti SeDidik Sdn Bhd, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Association for Kindergarten Operators (AKO).

Dalam ucapannya Fatimah berkata, Geran Tahunan Khas (GTK) merupakan inisiatif bagi membantu pengusaha IPAKK berdaftar meningkatkan kualiti perkhidmatan asuhan, bimbingan dan didikan awal kanak-kanak.


Bagi tahun 2024 ujarnya, kerajaan telah memperuntukkan RM14 juta bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan terutama untuk sesi pembelajaran yang menarik, pemakanan yang sihat dan seimbang, program pembangunan profesionalisme berterusan pendidik dan pengasuh termasuk program yang melibatkan ibu bapa serta program lawatan.

"Selaras dengan keterangkuman dalam pendidikan awal kanak-kanak, perkhidmatan projek rintis One-Stop Early Intervention Centre (OSEIC) akan terus dipertingkatkan yang mula beroperasi pada 30 Oktober 2020," jelasnya.

Dalam perkembangan sama ujar beliau, seramai 73 kanak-kanak telah berjaya menamatkan program intervensi dan melanjutkan tahun satu di kelas aliran perdana, integrasi dan pendidikan khas yang mana bagi OSEIC Kuching, Dalat dan Miri, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaannya pada tahun ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Fatimah turut menyampaikan sumbangan cek projek kecil luar bandar (MRP) kepada Persatuan Pengasuh dan Pendidik Awal Kanak-kanak Bintulu (PAKB).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Sarawak Datuk Rosey Yunus dan pengerusi PK antara yang hadir.



Mangsa banjir yang ingin pulang dinasihat minta kebenaran JPBD terlebih dahulu

Bernama

Januari 8, 2024 19:16 MYT



Mangsa banjir yang ingin pulang ke rumah dinasihat supaya mendapatkan kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) terlebih dahulu. - Gambar hiasan/BERNAMA

KLUANG: Mangsa banjir yang ingin pulang ke rumah dinasihat supaya mendapatkan kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) terlebih dahulu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor Khairin-Nisa Ismail@Md On berkata selepas ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS), kebenaran untuk pulang ke rumah perlu dirujuk kepada JPBD.

Beliau berkata ini kerana jika mereka pulang dan air naik semula, mereka perlu berpindah buat kali kedua ke PPS selain dibimbangi menjejaskan keselamatan mangsa terbabit.

"Kebeneran juga bergantung kepada situasi semasa iaitu setelah banjir sudah benar-benar surut dan tidak lagi berlaku hujan lebat dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas melawat PPS Dewan Majlis Daerah Simpang Renggam dan PPS Masjid Kampung Tengah di Renggam hari ini.

Khairin-Nisa juga berharap mangsa banjir yang ditempatkan di PPS dapat bersabar dan menunggu arahan pihak JPBD sebelum balik ke rumah mereka.

"Sama-samalah kita berdoa dan berharap yang musibah ini akan berakhir dan mereka yang berada di PPS dapat balik secepat mungkin," katanya.

-- BERNAMA



Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Negeri Melaka, Datuk Kalsom Noordin mengadakan sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Nasyid Peringkat Bahagian Alor Gajah anjuran Biro Dakwah Wanita bersama Wanita UMNO Bahagian Alor Gajah di Dewan Serbaguna Felda Tun Ghafar Hutan Percha, Alor Gajah, Melaka. Foto: MR. AZLI

Penyelesaian terbaik selesai kes eksploitasi kanak-kanak



SITI SALEHAH
ISNIN, 8 JANUARI 2024 @ 13:35

Read Time: 1 Minute, 30 Second

AYER KEROH 8 Januari – Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mencari penyelesaian terbaik dalam menangani isu kanak-kanak dieksploitasi penjaga bagi mendapatkan sumber kewangan.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, penyelesaian itu perlu bagi memastikan nasib anak-anak itu terbelak dan dapat menumpukan perhatian penuh pada pelajaran mereka memandangkan mereka masih bersekolah.

“Dengan usia bawah umur mereka tidak sepatutnya berada di luar pada lewat malam dan ia amat tidak sesuai.

“Kita dapati anak-anak ini ada bakat dan boleh menyanyi kita akan cuba berbincang untuk kumpulkan mereka dan letak di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri misalnya atau agensi yang berkaitan.

“Di situ kita akan asahkan lagi bakat mereka untuk menjadi lebih baik dan dalam masa sama mereka boleh bantu juga keluarga,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata, tindakan operasi yang dijalankan JKJM itu bukan untuk menutup rezeki mana-mana pihak tetapi cuba untuk perbetulkan balik keadaan.


“Ini bukan kejadian pertama bahkan berulang jadi kita cuba untuk perbetulkan balik kerana tidak mahu kes eksploitasi ini berterusan dan berleluasa terutamanya di Banda Hilir.

“Selain kes eksploitasi JKJM juga berusaha membanteras aktiviti meminta sedekah atau jual tisu serta gelandangan. Namun apa yang mengejutkan ada di antara peminta sedekah ini adalah penerima bantuan JKJM,” katanya.

Jelasnya, JKJM sentiasa prihatin dan komited dalam usaha membanteras gejala yang tidak sihat selain operasi akan diteruskan.

Sebelum ini, Melaka Hari Ini melaporkan tiga kanak-kanak bawah umur diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri selepas didakwa dieksploitasi untuk menyanyi di kaki lima sehingga berjaya mengutip belasan ribu ringgit sebulan.

Perkara itu terbongkar menerusi Operasi Mengambil Orang Papa, Pengemis, Peleser dan Kanak-Kanak yang dijalankan lebih tiga jam bermula 9 malam pada 6 Januari lalu.



Seorang bayi perempuan ditemukan di dalam kotak yang diletakkan di Pusat Pengajian Islam Nur As-Salam dekat Selama pada Sabtu. Foto hiasan Envato

Disyaki buang bayi, dua remaja ditahan polis

By **Bernama** #bm, Malaysia January 8, 2024

IPOH, 8 Jan: Dua remaja, masing-masing lelaki berusia 17 tahun dan perempuan berusia 14 tahun, ditahan polis kerana disyaki membuang bayi perempuan di dalam kotak di Pusat Pengajian Islam Nur As-Salam, Kampung Bukit, Sungai Nor, Rantau Panjang di Selama pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Selama Supt Sarudin Samah berkata dalam kejadian 7.28 pagi Sabtu, pihaknya menerima laporan daripada seorang lelaki bahawa beliau menemukan seorang bayi perempuan di dalam kotak yang diletakkan di pusat pengajian Islam itu.

Beliau berkata bayi yang dipercayai baru dilahirkan itu ditemukan bersama uri dan tali pusat, seterusnya dibawa ke Hospital Selama oleh pengadu untuk mendapatkan rawatan lanjut sebelum membuat laporan polis.

"Hasil siasatan, pada 7 Jan 2024 (hari ini) pihak polis telah berjaya membuat tangkapan terhadap suspek seorang lelaki berumur 17 tahun yang dipercayai terlibat membuang bayi tersebut, serta perempuan berumur 14 tahun yang masih dalam rawatan pihak hospital.

"Kedua-duanya merupakan pelajar sekolah. Kes telah selesai dengan tangkapan kedua-dua suspek tersebut," katanya dalam kenyataan, malam tadi.



Zayn Rayyan's murder case was never halted, says Ayob Khan

Bernama

Januari 8, 2024 17:00 MYT



The investigation into Zayn Rayyan Abdul Matiin's murder is still ongoing even though there are no new developments or leads at the moment, said Deputy Inspector General Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: The investigation into Zayn Rayyan Abdul Matiin's murder is still ongoing even though there are no new developments or leads at the moment, said Deputy Inspector General Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay.

"We are still investigating the case. We never halted it at any point. If there are any new developments we will share it with the media," he said when asked to comment on the investigation which was started exactly a month ago today.

He was speaking at PDRM's joint venture implementation steering committee meeting with Universiti Kebangsaan Malaysia at Bukit Aman here.

Yesterday, Selangor Police Chief Datuk Hussein Omar Khan was reported as saying police have received feedback from Interpol regarding a database check on some general information obtained in the course of the investigation.

On Dec 5, 2023, Zayn Rayyan, an autistic six-year-old boy, was reported missing from his home at the Idaman Apartment in Damansara Damai.

The following day his body was found near a stream about 200 metres from the apartment block. An autopsy revealed injuries to his neck and body, concluding that he had been murdered.



Pita suara Umar rosak, kini berstatus OKU

Oleh SYED AZLAN SAYED HIZAR 8 Januari 2024, 8:43 am



Jurdzman menyedut kahak Umar (kiri) dari lubang yang ditebuk pada saluran pernafasan di kediamannya di Padang Besar baru-baru ini.

PADANG BESAR – Seorang bapa dari Bukit Kateri di sini, semakin buntu memikirkan cara terbaik untuk mendapatkan rawatan buat anak lelakinya bagi membuka semula saluran pernafasan yang tersumbat.

Jurdzman Jaafar, 32, berkata, dia yang berniaga burger secara kecil-kecilan terpaksa melakukan pelbagai kerja lain bagi mencari wang untuk menanggung kos dan peralatan perubatan anak lelakinya, Huzza Umar, 4.

Katanya, anak lelaki ketiganya itu mengalami kecederaan ketika menjalani satu prosedur pembedahan yang dilakukan di sebuah hospital kira-kira tiga tahun lalu.

"Umar dilahirkan bersama kembarnya dalam keadaan pramatang dan pemeriksaan perubatan mendapati terdapat darah beku pada belakang mata yang berisiko membawa maut jika tidak dikeluarkan.

"Selesai pembedahan, bacaan kadar oksigen Umar sering merosot dan kadang kala wajahnya bertukar kebiru-biruan serta sesak nafas disebabkan saluran pernafasan tersumbat," katanya ketika ditemui di kediamannya di Rancangan Perumahan Awam Chuping, Bukit Keteri di sini baru-baru ini.

Kata Jurdzman, anaknya itu terpaksa berada selama lebih tiga tahun di hospital dan melalui lapan pembedahan lain bagi membetulkan saluran pernafasan yang kini tertutup dan berparut pada bahagian dalam.


Menurutnya, pita suara kanak-kanak itu juga rosak dan anaknya kini bisu serta dikategorikan sebagai orang kelainan upaya (OKU) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Umar juga mengalami masalah talasemia dan kini bergantung kepada susu formula khas serta terpaksa menukar ganti tiub 'tracheostomy' berpenapis berharga RM700 sebulan sekali," ujarinya.

Kata bapa kepada empat cahaya mata itu, pendapatannya dan isteri yang berniaga burger hanya kira-kira RM1,000 sebulan dan kos rawatan Umar sahaja lebih RM1,500 tidak termasuk kos persekolahan anak-anak lain.

"Saya berterima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis atas bantuan dihulurkan sebelum ini serta Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberi bantuan kebajikan RM500 sebulan untuk Umar," jelasnya.

Dalam pada itu, orang ramai boleh menyalurkan sumbangan ke akaun CIMB Jurdzman (**7048532095**) atau menghubunginya di talian **014-6723500** bagi sebarang bantuan.



Kerajaan Perak akan bantu keluarga pengawal keselamatan maut di Gunung Lang - Exco

Bernama

Januari 8, 2024 06:45 MYT



Salbiah berucap pada Program Mahir Usahawan Business Fundamental Mastery Hi-Tea di Pusat Konvensyen Meru di Ipoh, 7 Jan 2024. --fotoBERNAMA

IPOH: Kerajaan Perak menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan membantu keluarga pengawal keselamatan yang ditemukan maut di sebuah tapak perkhemahan Gunung Lang, di sini Rabu lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Salbiah Mohamed berkata pihaknya telah meminta JKJ untuk melihat keperluan keluarga lelaki itu antaranya dari segi bantuan persekolahan anak-anak mangsa.

"Setakat ini kalau JKJ, kita boleh pergi sampai RM1,000 bantuan, untuk anak yang bersekolah, jadi kita akan tengok anaknya berapa orang bersekolah yang boleh kita bantu.

"Kita memang minta JKJ untuk santuni mereka dan kita bantu apa yang boleh bantu. Kalau kita minta JKJ itu maknanya kita akan memastikan bantuan bulanan terutamanya kepada anak yang bersekolah," katanya kepada pemberita selepas program Business Fundamental Mastery (BFM) High Tea di sini semalam.

Pada 3 Jan lepas, polis menahan seorang lelaki yang juga bekas pesakit mental bagi membantu siasatan kes pengawal keselamatan berusia 41 tahun itu yang dipercayai dibunuh.

Sementara itu, Salbiah berkata seramai 10 usahawan yang terpilih dalam program hari ini akan diberi geran sebanyak RM10,000 bagi mendapatkan pensijilan halal.

Beliau berkata program yang dianjurkan pihaknya bersama Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) itu selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang menyasarkan lebih 1,000 syarikat mempunyai pensijilan halal di Perak menjelang 2030.

"Untuk memastikan perkara itu dilaksanakan, kita kena kenal pasti usahawan yang dah ke peringkat (berjaya), apa masalah yang mereka hadapi... jadi kita akan cuba membantu usahawan yang benar-benar terpilih nanti untuk mereka dapat sijil halal," katanya.



Lelaki minta gambar porno budak darjah 6 di Bigo kena penjara

Oleh NORLIZAH ABAS 8 Januari 2024, 2:18 pm



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Seorang lelaki berkelulusan pendidikan awal kanak-kanak dipenjarakan 10 tahun dan dikenakan 12 sebatan terhadap empat kesalahan meminta bahan pornografi daripada seorang murid perempuan berusia 12 tahun melalui aplikasi WhatsApp ketika menjalin hubungan 'cinta' terlarang secara maya.

Mahkamah Tinggi Taiping, Perak menjatuhkan hukuman itu terhadap Hendra Mulana, 33, selepas mengurangkannya daripada 13 tahun bagi setiap pertuduhan yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Taiping. Hukuman berkuatkuasa serentak.

Pesuruhjaya Kehakiman Noor Ruwena Md. Nurdin membenarkan rayuannya terhadap hukuman manakala rayuan terhadap sabitan ditolak. Rayuan pihak pendakwaan terhadap hukuman turut ditolak dalam keputusan yang diumumkan pada 2 November 2023.

Hendra (perayu) disabitkan atas keempat-empat pertuduhan pindaan meminta bahan pornografi daripada kanak-kanak tersebut yang ketika itu berusia di bawah 18 tahun pada waktu-waktu tertentu di antara lewat malam dan awal pagi di antara 14 Oktober dan 17 Oktober 2019 di sebuah rumah di Changkat Jering.

Dia didakwa mengikut Seksyen 8(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan maksimum 15 tahun dan sebatan minimum sebanyak tiga kali.

Keterangan kes menyatakan, perayu memulakan langkah mendekati mangsa yang ketika itu masih menuntut dalam tahun enam sewaktu melayari platform penstriman langsung 'Bigo' dan hubungan secara maya itu berlanjutan hingga ke aplikasi WhatsApp.

Pada 16 Februari 2023, Mahkamah Sesyen mendapatinya bersalah atas keempat-keempat pertuduhan dan memerintahkan Hendra dipenjarakan 13 tahun dan dikenakan tiga sebatan bagi setiap pertuduhan (jumlah 12 sebatan) manakala hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh keputusan.

Mahkamah turut mengarahkan lelaki itu menjalani sesi kaunseling di penjara dan pengawasan polis selama tiga tahun selepas selesai menjalani hukuman.- KOSMO! ONLINE

28 kesalahan seksual: Hukuman penjara 428 tahun dan 240 sebatan diketepikan



Oleh NDRULZAH ABAS. 8 Januari 2024, 2:52 pm.

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi Melaka mengetepikan hukuman penjara 428 tahun dan 240 sebatan terhadap seorang bapa atas 28 kesalahan seksual iaitu merogol, seks menggunakan objek, seks luar tabii dan amang seksual fizikal terhadap dua anak kandungnya.

Hakim Mohd. Radzi Abdul Hamid membenarkan rayuan bekas penyelia syarikat pemegang pelaburan itu terhadap hukuman dan menggantikannya dengan hukuman penjara 37 tahun dan 24 sebatan maksimum.

Pada 20 September 2022, Mahkamah Sesyen Ayer Keroh menjatuhkan hukuman penjara 428 tahun dan 240 sebatan atas semua kesalahan itu. Hukuman diperintahkan berkuat kuasa serentak menjadikan lelaki itu hanya menjalani hukuman penjara 46 tahun.

Hakim Mohd. Radzi mengurangkan jumlah hukuman penjara selepas berpuas hati tempoh 46 tahun itu merupakan tempoh yang melampau setelah mengambil kira faktor usia dan keadaan fizikal dan kesihatan perayu.

"Mahkamah berpendapat perayu harus diberi peluang menikmati kebebasan ketika sisa hidupnya apabila keluar penjara dalam usia 81 tahun yang mana kemungkinan dia menjadi ancaman kepada masyarakat adalah kecil.

"Mahkamah berpendapat kemungkinan perayu boleh mengancam anak-anaknya yang sudah dewasa dan masyarakat pada usia lanjut adalah rendah," demikian menurut penghakiman bertarikh 2 Januari lalu yang diperolehi pihak media hari ini.

Lelaki berusia 57 tahun itu didakwa di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Nariman Badruddin, atas 21 pertuduhan merogol, lima pertuduhan melakukan seks menggunakan objek dan masing-masing satu pertuduhan seks luar tabii dan amang seksual fizikal.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di antara 24 September 2015 dan 5 September 2022 ketika kedua-dua mangsa mencecah usia 12 tahun di rumah mereka.

Hakim Mohd. Radzi berpuas hati perayu tidak diprejudiskan ketika hakim bicara menerima keterangan laporan bertulis Kenyataan Impak Mangsa (VIS) tanpa terlebih dahulu menerima permohonan mangsa dan keluarganya.

Pihak pembelaan menghujahkan, keterangan laporan VIS hanya boleh diterima jika mangsa dan keluarga tidak hadir memberi keterangan.

Hujah pembelaan, oleh kerana mangsa atau keluarga mangsa tidak memohon untuk keterangan VIS serta tiada sebab dikemukakan mengapa mangsa dan keluarga tidak dapat hadir, VIS itu tidak sepatutnya diterima oleh hakim bicara.

Hakim Mohd. Radzi bagaimanapun berpandangan, Seksyen 183A(1) Kanun Prosedur Jenayah (CPC) menyatakan bahawa keterangan VIS adalah satu manfaat dan hak undang-undang kepada mangsa, bukan kewajipan atau pra syarat sebelum hukuman dijatuhkan.

Ujar beliau, VIS hanya untuk membantu mahkamah memahami kesan dan akibat kesalahan yang dilakukan terhadap kehidupan mangsa dan keluarganya selain pencabulan tubuh mangsa kanak-kanak oleh bapa kandung merupakan alibi besar kepada mana-mana mangsa dan keluarganya.

"Tidak susah untuk membayangkan cabaran yang dihadapi oleh anak yang masih muda untuk memberi gambaran lisan dalam mahkamah terhadap apa yang dilaluinya.

"Dalam hal ini kesalahan dilakukan berulang kali dan mahkamah percaya kehadiran mangsa untuk memberi keterangan secara lisan sangat membebarkannya dan keluarga dari segi mental dan emosi," ujar hakim berkenaan.

Oleh yang demikian, Hakim Mohd. Radzi mendapati tiada prejudis terhadap perayu apabila VIS dikemukakan secara bertulis, bukan lisan.

Hakim berkenaan turut menolak alasan rayuan berhubung isu kesihatan melibatkan penyakit kencing manis yang kritikal, darah tinggi, jantung dan penyakit kulit yang dihadapi perayu.

Mahkamah berpuas hati, tiada keterangan menunjukkan bahawa kemudahan kesihatan di penjara tidak dapat merawat perayu atau terhadap halangan untuknya mengakses rawatan sewajarnya.

Mengikut fakta kes, detik hitam menimpa dua beradik itu berlaku sejak 2015 dan terbongkar selepas isteri mangsa ternampak tertuduh sedang merogol anak keduanya kini berusia 15 tahun dalam kejadian terbaru pada 5 September 2022.

Tertuduh yang mempunyai dua isteri melakukan perbuatan terkutuk itu di dalam rumah termasuk sofa ruang tamu, bilik kelamin dan bilik tidur kedua-dua mangsa.

Antara kandungan VIS menyatakan, mangsa pertama yang kini berusia 19 tahun turut memberitahu tidak lagi mempercayai malah membenci lelaki usia bapanya itu walaupun mereka baik kepadanya.

Laporan VIS itu turut menyatakan, mangsa kedua yang kini berusia 15 tahun pula antara lain mengaku hampir gila memikirkan perbuatan jijik bapanya itu yang menggunakan pelbagai ugutan dan heleh serta memaksanya mengadakan seks biarpun ibunya berada di rumah.

"Malahan, tertuduh juga ada ketika meminta ibu mangsa balik ke kampung atau pergi membeli barangan dapur dan melarang mangsa mengikutnya bagi membolehkan dia melakukan seks dengan mangsa di rumah," demikian menurut pihak pendakwa. — UTUSAN



Rakyat Malaysia buat kesalahan terhadap kanak-kanak di luar negara boleh didakwa

Oleh IZWAN ROZLIN [Follow](#) 08 Januari 2024 05:26pm Masa membaca: 1 minit



Azalina

SHAH ALAM - Warganegara Malaysia yang melakukan kesalahan terhadap kanak-kanak di luar negara secara dalam talian boleh dianggap sebagai melakukan jenayah di dalam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, perkara itu termaktub dalam Seksyen 3, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

Katanya, peruntukan itu membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap warganegara Malaysia yang melakukan kesalahan sedemikian di luar negara.

"Kerajaan kini sedang menjalankan kajian sewajarnya bagi meluaskan skop perlindungan undang-undang ini bagi merangkumi situasi di mana kesalahan dilakukan terhadap kanak-kanak Malaysia oleh mana-mana individu di luar Malaysia.

"Perkembangan undang-undang ini bertujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada mangsa kanak-kanak warganegara tanpa mengira geografi pelaku," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, Kerajaan Perpaduan akan terus bekerjasama rapat dengan rakan sejawat antarabangsa dalam usaha global menangani jenayah keji ini.


"Perlindungan kanak-kanak daripada eksploitasi seksual dalam talian adalah tanggungjawab bersama dan Malaysia akan terus bekerjasama bersama komuniti global untuk mengatasi isu berkenaan dengan berkesan," katanya.

Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792), kesalahan berkaitan dengan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam talian melibatkan enam kategori kesalahan dengan hukuman tempoh pemenjaraan selama lima tahun penjara hingga 30 tahun serta sebatan.

Menurutnya Akta 792 turut memperuntukkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dalam talian yang lain termasuklah pengantunan kanak-kanak, berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak dan menyebabkan mereka memerhati atau mendengar bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

"Pada tahun 2023 dua pindaan baru telah diluluskan untuk memerangi jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam talian: seksyen baharu 15 A Akta 792 memperuntukkan kesalahan berkaitan dengan persembahan seksual oleh kanak-kanak.

"Manakala Seksyen baharu 5B memperuntukkan kesalahan yang berkaitan dengan pemerasan seksual kanak-kanak," katanya.



Kecederaan kepala bayi maut dipercayai berlaku 1-3 minggu lalu

Oleh Ahmad Hasbi - Januari 8, 2024 @ 6:37pm

bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

NILAI: Kecederaan di bahagian kepala seorang bayi berusia empat bulan yang meninggal dunia selepas tidak sedarkan diri di rumah pengasuh, Jumaat lalu, dipercayai adalah kesan dialami dalam tempoh satu hingga tiga minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim, berkata justeru sesiapa saja boleh menjadi suspek kes masih dalam siasatan itu.

"Beberapa individu sudah diambil keterangan bagi membantu siasatan kes. Sesiapa pun boleh menjadi suspek kerana kesan kecederaan dialami bayi itu membabitkan tempoh satu hingga tiga minggu lalu.

"Keterangan pengasuh juga sudah diambil untuk siasatan lanjut. Hasil siasatan awal mendapati wanita berusia 20-an itu mula meniaga bayi terbabit sejak Disember lalu," katanya ketika dihubungi. hari ini. Beliau memaklumkan, pihaknya juga dalam proses mengambil keterangan beberapa lagi individu bagi melengkapkan siasatan.

Semalam, media melaporkan bayi terbabit dikatakan **tiba-tiba tidak sedarkan diri** ketika menyusu botol.

Susulan kejadian kira-kira jam 8.30 pagi Jumaat lalu, bayi sedang dalam jagaan pengasuh itu dikejarkan ke Klinik Kesihatan Nilai tetapi tidak memberi respons ketika dirawat, sebelum disahkan meninggal dunia dengan terdapat kesan kecederaan pada bahagian kepala.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.